

28 AUG 1998

Sudan-pengganas

AS ADALAH PENGGANAS TERBESAR, KATA METERI SUDAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Amerika Syarikat (AS) sekarang adalah pengganas terbesar dan ia mesti dihalang, kata Menteri Tenaga dan Perlombongan Sudan Dr Awad Ahmed Aljaz hari ini.

"Sekarang AS adalah pengganas terbesar di dunia, kita harus menghalangnya supaya semua negara di dunia ini boleh hidup dengan aman," katanya dalam sidang media di sini.

Dr Awad berkata Sudan ingin mendapatkan sokongan dunia untuk menghalang keganasan yang dilakukan oleh AS.

Menteri itu yang tiba semalam bagi lawatan singkat ke negara ini adalah bagi menjelaskan serangan bom AS ke atas kilang ubat di Khartoum minggu lepas kepada Malaysia.

Beliau berkata telah menemui Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

AS menyerang kilang ubat di Khartoum pada 20 Ogos kerana ia mendakwa kilang itu mengeluarkan bahan untuk senjata kimia.

AS telah menghubungkan kilang itu dengan pengeboman kedutaan AS di Afrika Timur baru-baru ini, dan serangan AS itu disasarkan terhadap kumpulan yang ada kaitan dengan Jutawan Osman Bin Laden, yang sekarang berada dalam buangan.

Sudan sejak itu telah menjemput wakil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyiasat kilang itu dan mengesahkan dakwaan Washington.

Dr Awad menafikan dakwaan AS yang menyatakan serangan bom terhadap kilang itu tidak memberi kesan kepada orang ramai di Khartoum.

Serangan terhadap kilang itu menyebabkan asap di ibu negara Sudan untuk beberapa hari, katanya.

Pekerja kilang yang ditemu bual termasuk jurutera dari AS dan Britain dan pekerja rakyat Jordan yang bekerja di kilang itu menafikan kilang itu mengeluarkan senjata kimia, katanya.

Dr Awad berkata Sudan meminta AS memohon maaf dan juga meminta pampasan kewangan, psikologi dan sosial.

"Kita tahu AS tidak mempunyai sebarang bukti untuk menyokong dakwaannya," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY RI